

**Malaysia Penyuluh Jalan Ke Arah Pembentukan Komuniti Asean
Bernama
Ogos 08, 2011
Oleh Ahmad Fuad Yahya**

JAKARTA, 8 Ogos (Bernama) -- Walaupun amalan mengibarkan bendera Asean sempena sambutan Hari Asean pada 8 Ogos setiap tahun sudah menjadi suatu kelaziman, tetapi sambutan kali ini mencipta sejarah kerana inilah julung kalinya sejak 44 tahun kewujudannya, bendera Asean dikibarkan secara rasmi bersama bendera kebangsaan negara anggota pertubuhan itu.

Mulai hari ini, bendera Asean dikibarkan bersama bendera kebangsaan negara anggotanya di Urusetia Nasional Asean, Pejabat Perwakilan Diplomatik dan Konsul di negara anggota dan rakan dialognya, termasuk semua negara anggota Kesatuan Eropah (EU).

Bagaimanapun, suatu hakikat penting yang tidak boleh diketepikan berhubung langkah untuk memartabatkan profil Asean serta meningkatkan semangat kekitaan dalam Asean ini ialah Malaysia telah mendahului negara lain dalam berbuat demikian iaitu sejak 2005 lagi.

Pengibaran bendera Asean bersebelahan Jalur Gemilang yang telah menjadi suatu kelaziman di Wisma Putra sejak Malaysia menjadi pengerusi Asean pada 2005, mempamerkan pemikiran jauh Malaysia dalam membawa Asean ke tahap pencapaian lebih tinggi dalam pembentukan Komuniti Asean.

Sebagai antara lima anggota pengasas Asean, Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam pertubuhan itu dengan menyalurkan idea serta inisiatif yang kemudiannya membantu membentuk Asean hingga menjadi pertubuhan seperti yang ada sekarang.

Malah, idea mengenai Piagam Asean juga diilhamkan oleh Malaysia.

Walaupun ia disebut dalam Pelan Tindakan Vientiane 2004, tetapi hanya setelah Malaysia menjadi tuan rumah sidang kemuncak Asean 2005 barulah diisytiharkan satu sidang kemuncak akan diadakan untuk melantik Kumpulan Tokoh Terkemuka bagi mengemukakan syor berhubung piagam itu.

Namun demikian, sebagai tanda kesepakatan, semua negara anggota menyumbang kepada penggubalan piagam berkenaan.

Sejak itu, Malaysia memainkan peranan penting untuk melahirkan sebuah pertubuhan serantau yang mempunyai 10 anggota, walaupun pada sidang kemuncak Asean 1997 yang berlangsung di Malaysia, hanya sembilan negara dapat dikumpul berikutan satu kejadian yang tidak diingini di Kemboja hingga menyebabkan negara itu hanya diterima menjadi anggota Asean tiga tahun kemudian.

Malaysia juga mengambil daya usaha untuk menganjurkan Sidang Kemuncak Asean Campur Tiga melibatkan Asean, China, Jepun dan Korea Selatan, nama lain bagi Kaukus Ekonomi Asia Timur (EAEC) hasil ilham Perdana Menteri Malaysia keempat Tun Dr Mahathir Mohamad, yang menerima bantahan beberapa pihak terutama Amerika.

Malaysia juga bertanggungjawab menganjurkan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) dan mencipta slogan yang kini menjadi slogan Asean: "One Vision, One Identity, One Community" (Satu Wawasan, Satu Identiti, Satu Komuniti).

Setelah pertubuhan yang dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam ini semakin maju dan matang, 2015 akan merupakan tahun amat penting kerana pada tahun itulah Asean akan mencapai

objektif penubuhan Komuniti Asean.

Bagi Malaysia pula, 2015 merupakan satu lagi tahun yang amat penting kerana ia akan menjadi pengerusi Asean dan memikul tugas berat untuk menerajui persiapan pertubuhan itu ke arah mendepani era pasca 2015.

Wakil Tetap Malaysia ke Asean Datuk Hsu King Bee berkata sejak sekian lama, Malaysia memberi sumbangan besar terhadap evolusi Asean dan pembentukan pembangunan serantau.

Beliau berkata selama 44 tahun, Asean telah berusaha ke arah mencapai objektifnya yang termaktub dalam Deklarasi Bangkok 1967 dan fokusnya semakin berkembang kerana "kerjasama dan cabaran serantau serta antarabangsa sudah berbeza dan memerlukan Asean memberi tindak balas terhadap perkembangan serantau dan antarabangsa."

Ini termasuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas untuk membolehkan negara anggotanya bersaing dalam lingkungan Asean dan di luar Asean melalui Perjanjian Perdagangan Bebas.

Piagam Asean berperanan besar dalam memberi ciri perundangan terhadap pertubuhan itu serta mengembangkan nilainya, kata beliau di sini pada Isnin.

Piagam Asean memperuntukkan pelantikan Jawatankuasa Wakil Tetap (CPR) ke Asean untuk menyokong majlis bagi pelaksanaan Komuniti Asean berasaskan tiga tonggak utama iaitu Komuniti Politik-Keselamatan Asean (APSC), Majlis Ekonomi Asean (AEC) dan Komuniti Sosio Budaya Asean (ASCC).

CPR terikat dengan Piagam Asean dan rangka tindakan bagi Komuniti Asean dikenali sebagai "Peta Laluan Ke Arah Komuniti Asean 2009-2015", yang menggariskan sejumlah 635 cara pelaksanaan untuk mencapai penubuhan Komuniti Asean menjelang 2015.

Sesetengah cara bertindak ini akan dilaksanakan oleh kerajaan sesebuah negara anggota, sebahagian lagi oleh Asean secara bersama dan sesetengah lagi berbentuk aspirasi.

Setakat ini, Asean telah mencapai kejayaan membanggakan dalam melaksanakan tindakan tersebut.

Bagi mencapai matlamat Komuniti Asean, CPR dan semua majlis komuniti telah menetapkan sasaran tahunan berpandukan cara tindakan yang perlu mereka laksanakan.

Persoalannya sekarang ialah adakah pelaksanaan cara tindakan ke arah merealisasikan Komuniti Asean memberi manfaat kepada negara anggota pertubuhan itu serta rakyat masing-masing?

Untuk menjawab soalan ini, mari kita lihat kepada APSC, yang bertujuan mewujudkan sebuah rantau aman dan selamat untuk melahirkan komuniti berasaskan peraturan yang berkongsi nilai serta norma yang sama.

APSC juga berfungsi untuk mewujudkan sebuah rantau yang mapan, aman serta berdaya tahan, yang berkongsi tanggungjawab untuk memupuk keamanan secara menyeluruh.

Tujuan utama tindakan ini ialah untuk melahirkan sebuah persekitaran di mana kesejahteraan rakyat Asean sentiasa dilindungi kerana dengan wujudnya keamanan dan keselamatan di rantau ini, barulah negara anggotanya boleh menikmati pembangunan

ekonomi.

"Daripada segi ekonomi, negara anggota Asean dan rakyatnya akan mendapat manfaat daripada komuniti yang kami cuba bangunkan melalui integrasi kesemua 10 negara anggota Asean," kata Hsu.

Ditanya sama ada Komuniti Asean akan mengikuti model tertentu seperti Komuniti Eropah, Hsu berkata Komuniti Asean berbeza kerana mereka tidak bergantung pada kecekapan dalam hal tertentu seperti dasar ekonomi yang menjadi amalan negara anggota dalam Kesatuan Eropah.

"Bagi kami, kesemua 10 negara anggota Asean perlu mencapai kata sepakat tentang sesuatu dasar sebelum melaksanakannya dan kami berbeza kerana kami masih merupakan sebuah pertubuhan yang dianggotai 10 negara berdaulat, yang tidak mengetepikan kecekapan kami, tetapi cuba bekerja bersama-sama," kata beliau.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=606846>